

Empat kali banjir lumpur setahun

29/1/2018
Batu Lintang m/s 67



Azman bersama penduduk meninjau masalah banjir lumpur di Kampung Sungai Sekamat.

➔ Penduduk tuntutan janji kerajaan negeri Selangor atasi masalah

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

Kajang

Lebih 3,000 penduduk di kawasan Sungai Sekamat, Sungai Balak dan Kajang-Semantan kecewa selain menanggung kerugian apabila banjir lumpur sering melanda kawasan berkenaan sejak setahun lalu.

Penduduk Batu 12, Kampung Sungai Sekamat, Norhayati Husin, 51, berkata dalam tempoh itu, empat

kali banjir lumpur melanda rumahnya yang terletak 100 meter dari sungai itu, kali pertama pada April, diikuti Mei, September dan terbaru, Selasa minggu lalu.

“Nilai kerugian paling banyak dianggarkan RM4,000 pada banjir pertama apabila air naik pada jam 3 pagi.

Setiap bulan masuk air

“Memang tidak sempat selamatkan harta benda kerana kami tidur dan air dari hulu sungai turun laju, nasib baik jirankejutkan.

“Tidak sampai dua jam hujan lebat, rumah dimasuki banjir lumpur paras paha orang dewasa.

“Sudah 35 tahun kawasan ini tak pernah banjir, tiba-tiba sejak setahun lalu makin kerap. Hampir setiap bulan rumah dimasuki air.

“Kami mula risau kalau hujan turun. Berapa kali lagi nak berlaku banjir di kawasan rumah kami? Kami sudah tidak larat nak basuh rumah, pindah barang dan asyik risau keselamatan diri,” katanya.

Penduduk, Zairi Ahmad, 45, ma-

hu kerajaan negeri memberikan penjelasan terhadap kerja membina Projek Tebatan Banjir Sungai Balak yang boleh memanfaatkan lebih 500 rumah penduduk di kawasan berkenaan.

“Kalau hujan, pasir dari hulu turun bersama air menyebabkan dasar sungai mendap.

“Pembangunan di hulu sungai menyebabkan banjir lagi teruk, air cepat naik cepat dan boleh membahayakan nyawa pada bila-bila masa.

“Mana janji kerajaan negeri un-

tuk selesaikan masalah di kawasan ini supaya tidak terus menderita berhempas pulas dengan banjir lumpur. Beri kami kehidupan lebih selesa dan lebih baik,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Gagasan Prihatin Semenyih (GPS), Azman Ahmad, berkata difahamkan ada arahan mengangkat ban sepanjang satu kilometer di Loji Air Langat, sumber air bersih dan minuman 1.8 juta penduduk Lembah Klang bagi menyelesaikan masalah banjir lumpur.